

Rujukan : UKM3.2.8/ 224/6
Tarikh : 5 September 2012

PEKELILING CRIM 3/2012

DEKAN /PENGARAH/PENGURUS

- Fakulti Perubatan
- Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia
- Fakulti Pergigian
- Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
- Fakulti Pengajian Islam
- Fakulti Sains dan Teknologi
- Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
- Fakulti Sains Kesihatan
- Fakulti Undang-Undang
- Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
- Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
- Fakulti Pendidikan
- Fakulti Farmasi
- UKM-Graduate School of Business
- Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)
- Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
- Institut Kajian Oksidental (IKON)
- Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS)
- Institut Kejuruteraan Mikro dan Nanoelektronik (IMEN)
- Institut Perubatan Molekul (UMBI)
- Institut Sains Angkasa (ANGKASA)
- Institut Penyelidikan Tenaga Suria (SERI)
- Institut Biologi Sistem (INBIOSIS)
- Institut Teknologi Sel Bahan Api (SELFUEL)
- Institut Islam Hadhari (HADHARI)
- Institut Kajian Etnik (KITA)
- Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB)
- Institut Kajian Bencana Asia Tenggara (SEADPRI)
- Institut Kajian Perubahan Iklim (IKP)
- Institut Informatik Visual
- Muzium Warisan Akademik
- Pusat Pembangunan Akademik (PPA)
- Pusat Pengurusan Siswazah (PPS)
- Pusat Pengajian Umum (PPU)
- Pusat Teknologi Maklumat
- Pusat Perancangan Korporat dan Kepimpinan (PPKK)
- Pejabat Perhubungan Alumni
- Pejabat Hubungan Antarabangsa
- Pusat Inovasi Kolaboratif

- Pusat Komunikasi Korporat
- Pusat Pemerkasaan Remaja (PERKASA)
- UKM-CESMED
- Pusat Jaminan Kualiti
- Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PKKP)
- Pusat Akreditasi Pembelajaran
- Pusat PERMATApintar Negara
- Pejabat Yayasan Canselor
- Pusat Kepimpinan Wanita
- Pejabat Hubungan Universiti-Masyarakat
- Pejabat Hubungan Industri

Y. Bhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan,

GARIS PANDUAN BANTUAN KEWANGAN BAHAN PENYELIDIKAN KEPADA PELAJAR SARJANA DAN DOKTOR FALSAFAH TAHUN 2012

Saya dengan hormatnya ingin memaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan Universiti Bil.16/2012 pada 31 Julai 2012 telah meluluskan Garis Panduan Bantuan Kewangan Bahan Penyelidikan kepada pelajar Sarjana dan Doktor Falsafah Tahun 2012. Garis panduan ini juga telah dibentangkan dalam Mesyuarat Ketua-Ketua Bahagian pada 31 Julai 2012 Bil.5/2012.

Bersama-sama ini dilampirkan Garis Panduan Bantuan Kewangan Bahan Penyelidikan kepada Pelajar Sarjana dan Doktor Falsafah. Untuk makluman YBhg. Dato'/Prof/tuan/puan, peruntukan diberi kepada penyelia bersama kod bahan penyelidikan berdasarkan jumlah pelajar di bawah seliaannya.

Sukacita YBhg. Dato'/Prof./tuan/puan dapat memaklumkan perkara ini kepada semua penyelia siswazah di bawah pengawasan YBhg. Dato'/Prof./tuan/puan dan diucapkan ribuan terima kasih.

Yang benar,

PROF. DR. CHE HASSAN CHE HARON


Pengarah

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumenasi

s.k - Bendahari
Bahagian Kewangan Penyelidikan
(u.p Encik Mokshin Tumin)

- Penolong Pendaftar
Fakulti/Institut/Pusat

Berlapisir.



GARIS PANDUAN BANTUAN KEWANGAN BAHAN PENYELIDIKAN KEPADA PELAJAR SARJANA DAN DOKTOR FALSAFAH BAGI TAHUN 2012

Kemudahan bantuan kewangan bahan penyelidikan mula diperkenalkan selepas mendapat kelulusan MPU bil.20/2010 pada 27 September 2010. Peruntukan bantuan kewangan bahan penyelidikan pada tahun 2010 dan 2011 adalah berdasarkan jumlah pelajar siswazah yang mengikuti pengajian Sarjana dan Doktor Falsafah secara tesis (sepenuh masa) sahaja di Fakulti dan Institut. MPU bil.16/2012 pada 31 Julai 2012 telah meluluskan Garis Panduan Bantuan Kewangan Bahan Penyelidikan Kepada Sarjana dan Doktor Falsafah bagi Tahun 2012 dan memperpanjangkan kemudahan bantuan ini kepada pelajar siswazah yang mengikuti program pengajian kerja kursus dan tesis; kerja kursus dan praktikum/kerja klinikal dan projek penyelidikan sarjana.

1.0 KELAYAKAN

- 1.1 Pelajar yang mendaftar sepenuh masa;
- 1.2 Pelajar yang mengikuti program tesis; dan
- 1.3 pelajar yang mengikuti program kerja kursus dan tesis, dan mod kerja kursus dan praktikum/kerja klinikal dan projek penyelidikan sarjana. Bantuan diberi kepada pelajar yang mendaftar tesis, kursus projek penyelidikan sarjana; dan kursus praktikum/kerja klinikal pada tahun semasa dan bayaran adalah tertakluk kepada keperluan program atau untuk satu (1) semester sahaja;
- 1.4 Pelajar yang berada dalam tempoh pengajian yang ditetapkan iaitu;
 - Sarjana – tidak melebihi 5 semester (pelajar yang mendaftar pada semester 2 sesi 2009/2010);
 - Doktor Falsafah – tidak melebihi 7 semester (pelajar yang mendaftar pada semester 2 sesi 2008/2009).

2.0 KADAR BANTUAN

2.1 Sarjana (tesis)

- Sains Sosial RM1000/ bagi dua (2) semester pengajian/tahun;
- Sains dan Teknologi RM3000/ bagi dua (2) semester pengajian/tahun.

2.2 PhD (tesis/disertasi)

- Sains Sosial RM2000/bagi dua (2) semester pengajian/tahun;
- Sains dan Teknologi RM3400/bagi dua (2) semester pengajian/tahun.

3.0 PENGURUSAN PERBELANJAAN

- 3.1 Jumlah peruntukan mengikut fakulti adalah berdasarkan jumlah pelajar siswazah yang layak berdasarkan tempoh pengajian dan status pendaftaran;
- 3.2 Peruntukan diberi kepada penyelia bersama kod bahan penyelidikan berdasarkan jumlah pelajar di bawah seliaannya;
- 3.3 Sebarang tuntutan perbelanjaan daripada penyelia utama hendaklah disahkan oleh Dekan/Pengarah sebelum dimajukan kepada Bahagian Kewangan Penyelidikan, Jabatan Bendahari;
- 3.4 Penyelia bertanggungjawab memastikan pelajar yang layak menerima bantuan penyelidikan seperti yang ditetapkan oleh Universiti;
- 3.5 Penyelia bertanggungjawab menyediakan laporan perbelanjaan bahan penyelidikan sebelum 31 Disember 2012.

4.0 PENGGUNAAN BANTUAN BAHAN PENYELIDIKAN

- 4.1 Bahan kimia;
- 4.2 Bahan pakai habis (toner dan alat tulis) untuk penyelidikan;
- 4.3 Buku rujukan dan artikel untuk penyelidikan;
- 4.4 Data mentah (di atas perakuan penyelia);

- 4.5 Perisian (tidak lebih dari RM10,000);
- 4.6 Kerja lapangan tertakluk kepada kelayakan calon;
- 4.7 Enumerator/pembantu penyelidik di lapangan sebanyak RM30 tertakluk kepada kelayakan;
- 4.8 Penterjemah (Bayaran terjemahan artikel untuk rujukan penyelidikan);
- 4.9 Sagu hati kepada responden kajian;
- 4.10 Sagu hati sebanyak RM5 bagi setiap kemasukan data responden/per responden.